

Headline	Jemaah usah dera diri		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Sep 2016	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	14	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	78 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,793
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,379



Jemaah usah 'dera' diri

Jemaah haji dinasihatkan memberi perhatian kepada aspek kesihatan menjelang Hari Wukuf yang hanya tinggal lima hari lagi berikutan cuaca panas.

Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH) Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, ini kerana tempoh operasi Masya'ir selama enam hari di Arafah, Muzdalifah dan Mina, jemaah terdedah kepada masalah kesihatan.

"Saya nasihatkan jemaah jangan terlalu mendera diri, di sana panas mencecah 43 darjah Celsius dan kami difahamkan tahun ini akan mencecah sehingga 50 Celsius pada Hari Wukuf.

"Jadi, saya nasihatkan semua jemaah jaga kesihatan, makan ubat, minum banyak air, minum air zamzam," katanya kepada media selepas melawat balu empat jemaah yang kematian pasangan di Hotel Rehab Al-Janadriyah di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Rombongan Haji Malaysia Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman dan isteri Abdul Azeez, Datin Seri Khadijah Mohd Noor.

Abdul Azeez berkata, jemaah yang berdepan dengan masalah kesihatan lazimnya terlupa mengambil ubat berikutan mahu mengejar masa ketika di Masya'ir dan kurang meminum air menyebabkan mereka terkena serangan strok haba.

"Saya sudah maklumkan kepada jemaah kita dan harap mereka mengikut segala garis panduan TH, katanya.